

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

SOALAN

DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berikan statistik semua kematian akibat COVID-19 berdasarkan umur, jantina dan bangsa.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kes kematian COVID-19 yang pertama di Malaysia adalah pada 17 Mac 2020. Sehingga 29 November 2020, bilangan kematian COVID-19 di Malaysia adalah sebanyak 357 kematian iaitu bersamaan dengan 0.56%. Negeri Sabah mencatatkan jumlah kematian yang tertinggi iaitu sebanyak 208 kematian (58.3%).
2. Daripada 357 kematian, 230 kes (64.43%) adalah lelaki dan 127 kes (35.57%) adalah perempuan. Dari segi umur, 230 kes (64.43%) adalah dalam golongan berumur 60 tahun dan ke atas. Jika berdasarkan status kewarganegaraan, 294 kes (82.35%) adalah terdiri daripada warganegara Malaysia dan 62 kes (17.37%) adalah bukan warganegara. Maklumat yang tepat mengenai kes kematian mengikut bangsa masih belum dapat diperolehi sepenuhnya buat masa ini.
3. Kadar kematian kes (*Case Fatality Rate*) tertinggi dikalangan pesakit COVID-19 adalah yang berumur 80 tahun dan ke atas iaitu 18.91% dan diikuti dengan 10.12% bagi pesakit COVID-19 yang berumur

SOALAN NO : 83

70-79 tahun. Dari segi faktor risiko komorbiditi, 84.84% (iaitu 274 kes) mempunyai sekurang-kurangnya dua (2) atau lebih jenis penyakit seperti darah tinggi, kencing manis, sakit jantung dan sakit buah pinggang.

4. Untuk makluman, pesakit COVID-19 dikategorikan berdasarkan 5 tahap klinikal iaitu Tahap 1 yang tidak bergejala manakala Tahap 5 adalah bagi kes kritikal yang melibatkan pelbagai organ. Didapati majoriti kes kematian yang mendapatkan rawatan tiba di hospital pada tahap yang agak tenat iaitu pada Tahap 4 sebanyak 51.02% dan tahap kritikal iaitu pada Tahap 5 sebanyak 32.65%.

5. Ini menunjukkan bahawa majoriti kes kematian adalah dikalangan lelaki dan dari segi umur, mereka adalah di dalam golongan yang berumur 60 tahun dan ke atas. Majoriti kes kematian juga terdiri di kalangan pesakit yang mempunyai komorbiditi (terutamanya darah tinggi, kencing manis dan lain-lain penyakit kronik) serta pesakit yang mendapatkan rawatan di fasiliti kesihatan pada tahap yang tenat dan kritikal.

Sekian, terima kasih.